



# **UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGAL 12**

**AKTA PENGAKUAN BERKANUN**

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 12

PENGAKUAN BERKANUN

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran pendek
2. Pengakuan yang dibuat di Negara Brunei Darussalam
3. Pengakuan palsu boleh dihukum di bawah Kanun Hukuman Jenayah
4. Bayaran

JADUAL

---

## AKTA PENGAKUAN BERKANUN

**Satu Akta untuk mengadakan syarat berkenaan dengan pengakuan berkanun**

1 tahun  
1951  
(Peng. 12  
tahun 1951)  
S. 99/59

*Permulaan kuatkuasa : 11hb Januari 1951*

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pengakuan Berkanun.

Gelaran  
pendek

2. Adalah sah bagi mana-mana majistret, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, untuk mengambil dan menerima di Negara Brunei Darussalam akan pengakuan mana-mana orang yang membuatnya secara sukarela dalam borang dalam Jadual.

Pengakuan  
yang dibuat  
di Negara  
Brunei  
Darussalam

3. Pengakuan yang dibuat di Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat Akta ini hendaklah dianggap sebagai pengakuan sebagaimana yang disebutkan dalam bab-bab 199 dan 200 dari Kanun Hukuman Jenayah.

Pengakuan  
palsu  
boleh  
dihukum  
di bawah  
Kanun  
Hukuman  
Jenayah  
(Peng. 22)

4. Seseorang yang membuat sebarang pengakuan menurut syarat-syarat Akta ini hendaklah membayar kepada pegawai yang mengambil pengakuan itu bayaran sebagaimana yang mungkin ditetapkan dari masa ke semasa dengan kenyataan awam oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat.

Bayaran

JADUAL

Pengakuan Berkanun

Saya, A. B., dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa dan saya membuat pengakuan yang benar ini dengan mempercayai sesungguhnya bahawa pengakuan ini adalah betul, dan menurut syarat-syarat Akta Pengakuan Berkanun (Pengg. 12).

Diperbuat dan diakui dengan sesungguhnya oleh nama yang tersebut di atas .....  
di Negara Brunei Darussalam  
pada hari ini    haribulan  
19    ,

(Tandatangan Orang  
Yang Membuat Pengakuan)

Di hadapan saya,  
Majistret.